

TARIKH	11 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	24	RUANGAN	setempat

Kuota haji tak terjejas

Arab Saudi mahu jaminan perhimpunan tak berulang

>>Oleh **Erdie Ab Wahid**
hmkk@hmetro.com.my

KOTA KINABALU: Kerajaan memberi jaminan kuota bagi jemaah haji tidak terjejas eko-ran perhimpunan Bersih 3.0 yang dilakukan beberapa rakyat negara ini di Masjid Nabawi, Madinah dan Masjidil Haram di Makkah pada 26 April lalu yang mence-markan imej negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman berkata, pihaknya sudah menerangkan mengenai perkara sebenar berhubung kejadian itu dan perbuatan berkenaan bukan menjadi budaya rakyat di negara ini kepada kepada Menteri Luar Arab Saudi, Putera Saud Al Faisal, dalam satu pertemuan baru-baru ini.

"Pertemuan ini memberi perkhabaran positif dan saya percaya melalui hubungan baik Kerajaan Malaysia dengan Raja Arab Saudi (Raja Abdullah) serta hubungan akrab saya dengan Menteri Luar Arab Saudi,



ANIFAH...beri penjelasan

kuota (haji) tahun ini tidak terjejas.

"Mereka juga mahu jaminan perhimpunan tidak berlaku lagi pada masa akan datang," katanya selepas menghadiri Makan Malam bersama Pesara Kerajaan di Parlimen Kimanis, di sini, kelmarin.

Anifah berharap kuota jemaah haji untuk menunaikan ibadah itu tahun ini tidak terjejas sehingga mengundang perhatian serius kerajaan Arab Saudi.

Katanya, sekiranya terjejas, ia memberi kesan sama pada tahun akan datang seperti mana yang berlaku terhadap negara Iran apabila digantung selama tiga tahun kerana mengadakan demonstrasi di negara itu.

"Saya percaya kerajaan Arab Saudi tidak berbuat sedemikian kerana mereka pernah memuji jemaah negara ini sebagai yang terbaik," katanya.

Terdahulu, kerajaan negara itu sebelum ini dilaporkan membuat pertimbangan sama ada untuk mengenakan sekatan atau menggantung jemaah haji dan umrah dari Malaysia berikutan insiden perhimpunan haram di kedua-dua masjid suci itu pada 26 April lalu.

Sementara itu, pada majlis berkenaan, Anifah mengumumkan peruntukan peribadi RM100,000 bagi Dana Pendidikan untuk membantu anak-anak di Membakut dan Bongawan manakala RM100,000 lagi bagi penubuhan koperasi belia.